

KEMPEN JOM RAYA BERSAMA iRAKYAT 2025

SOALAN LAZIM

1. Siapakah pengajur kempen ini?

Kempen ini dianjurkan oleh Bank Rakyat.

2. Bilakah kempen ini berlangsung?

Kempen ini berlangsung dari **17 Mac sehingga 13 April 2025**.

3. Siapakah yang layak menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat termasuk warga kerja Bank Rakyat.

4. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?

- Pelanggan perlu menjadi pengguna berdaftar iRakyat dan menggunakan aplikasi perbankan mudah alih iRakyat.
- Pelanggan baharu perlu mendaftarkan nombor kad pengenalan (NRIC) atau nombor telefon bimbit sebagai ID DuitNow melalui iRakyat sepanjang tempoh kempen berlangsung.
- Pelanggan perlu melakukan **minimum lima (5)** transaksi pindahan duit raya dengan menggunakan **DuitNow QR** atau **DuitNow Transfer** melalui iRakyat. Rujuk tatacara berikut:

| DuitNow QR (Aplikasi) | DuitNow Transfer (Laman web / Aplikasi) |
|--|--|
| <ol style="list-style-type: none">Log masuk aplikasi perbankan mudah alih iRakyat.Pilih Scan QR.Pilih Pay.Pembayar perlu imbas kod QR penerima untuk pembayaran duit raya.Masukkan amaun dikehendaki (rujuk amaun minimum yang diperlukan) dan teruskan transaksi. | <ol style="list-style-type: none">Log masuk melalui laman web iRakyat atau aplikasi perbankan mudah alih iRakyat.Pilih DuitNow Transfer.Pilih akaun bank anda.Pilih ID Penerima dan isikan maklumat yang diperlukan.Masukkan amaun yang dikehendaki (rujuk amaun minimum yang diperlukan) dan teruskan transaksi. |

- Jumlah minimum bagi setiap transaksi pindahan duit raya ialah RM10.00.
- Pelanggan yang melakukan bilangan transaksi yang memenuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan untuk kempen ini berpeluang memenangi hadiah yang telah ditawarkan.

5. Saya telah memuat turun aplikasi perbankan mudah alih iRakyat namun belum melaksanakan proses pendaftaran dan pengaktifan. Adakah saya boleh melakukan transaksi dan seterusnya menyertai kempen ini?

Tidak boleh. Pelanggan perlu terlebih dahulu melakukan pendaftaran dan pengaktifan aplikasi mudah alih iRakyat dan seterusnya melakukan transaksi berdasarkan syarat yang ditetapkan untuk layak menyertai kempen ini.

6. Apakah hadiah yang ditawarkan melalui kempen ini?

| Hadiah | Keterangan | Jumlah |
|---------------------------|-------------------------|--------------------|
| Pertama | RM2,000.00 X 1 Pemenang | RM2,000.00 |
| Kedua | RM1,500.00 X 1 Pemenang | RM1,500.00 |
| Ketiga | RM1,000.00 X 1 Pemenang | RM1,000.00 |
| Sagu Hati | RM100.00 X 100 Pemenang | RM10,000.00 |
| Jumlah Keseluruhan | | RM14,500.00 |

7. Bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan?

Pelanggan dengan bilangan transaksi pindahan duit raya tertinggi sepanjang tempoh kempen berlangsung yang memenuhi syarat yang dinyatakan berpeluang dipilih sebagai pemenang.

8. Bilakah dan bagaimakah pemenang kempen ini akan dimaklumkan?

Pemenang akan dimaklumkan selepas kempen tamat menerusi panggilan telefon daripada Pusat Panggilan Bank Rakyat atau pengumuman melalui laman sesawang Bank Rakyat atau lain-lain medium atau cara yang dirasakan sesuai oleh Bank Rakyat.

9. Bagaimanakah dan bilakah hadiah akan diterima oleh pemenang?

Hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) Bank Rakyat milik pemenang dalam tempoh **enam puluh (60) hari** selepas pengumuman dan pengesahan pemenang dilakukan dengan cara yang dirasakan sesuai oleh Bank Rakyat.

10. Bolehkah hadiah dipindah milik atau dituntut oleh pihak ketiga?

Tidak boleh.

11. Bolehkah hadiah dikreditkan ke akaun bank lain milik pemenang?

Tidak boleh.

12. Adakah saya boleh memenangi lebih dari satu hadiah untuk kempen ini?

Tidak boleh.

- 13. Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) Bank Rakyat individu saya telah ditutup atau tidak aktif selepas senarai nama pemenang diumumkan secara rasmi. Adakah gugur kelayakan saya sebagai pemenang?**

Tidak. Kemenangan anda masih sah. Anda perlu:

- a. Membuka Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) yang baharu atau;
- b. Mengaktifkan Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) sedia ada yang tidak aktif.

Pemenang akan dianggap tidak berminat sekiranya tiada tindakan dilakukan selepas **empat belas (14) hari** dari tarikh penerimaan makluman daripada pihak Bank Rakyat. Hadiah tersebut akan dilupuskan/dilucut hak oleh pihak Bank Rakyat.

- 14. Adakah pelanggan layak untuk menerima hadiah kempen jika berdepan tindakan pembekuan akaun, berstatus muflis, disenarai hitam atau lain-lain tindakan daripada Bank Rakyat sebelum atau semasa proses pemilihan pemenang dilakukan?**

Tidak layak. Penyertaan pelanggan akan terbatal bagi kempen tersebut.

- 15. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?**

- a. Laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
- b. Pusat Panggilan Bank Rakyat: 1-300-80-5454
- c. Laman media sosial Bank Rakyat (Facebook/Instagram/X/TikTok)

-TAMAT-